

**PENGUMUMAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN MQA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) PENUH DI SELURUH NEGARA (BERKUAT KUASA MULAI 1 JUN 2021 SEHINGGA 14 JUN 2021)**

1. Susulan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Penuh oleh kerajaan **mulai 1 Jun 2021 sehingga 14 Jun 2021**, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) akan beroperasi **seperti biasa** tertakluk kepada pematuhan terhadap Prosedur Operasi Standard yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

2. Pengoperasian pejabat MQA dalam tempoh PKP Penuh ini akan dilaksanakan mengikut arahan kerajaan bagi perkhidmatan awam. Orang ramai termasuk pihak-pihak berkepentingan dimohon mengambil maklum berkenaan penutupan perkhidmatan kaunter MQA dan pelaksanaan urusan MQA seperti berikut:

Bil.	Urusan:	Perlaksanaan Urusan:
a.	Perkhidmatan berkaitan Permohonan dan Serahan Dokumen	Melalui pos
b.	Hari Mesra Pelanggan	Dalam Talian
c.	Lawatan Penilaian Akreditasi	MQA <i>Virtual Audit</i> (MQAVA)
d.	Sijil Akreditasi/APEL	Melalui pos
e.	Latihan Jaminan Kualiti	Dalam Talian
f.	Surat Nilai Taraf/Pengesahan Pengiktirafan	Melalui pos
g.	Pembayaran Perkhidmatan	<i>JomPay</i> atau Draf Bank (melalui pos)

3. Proses penilaian akreditasi akan dilaksanakan seperti biasa melalui kaedah dalam talian. Walau bagaimanapun, PPT yang ingin memohon penangguhan pelaksanaan MQAVA dalam tempoh PKP Penuh ini, boleh berhubung dengan pegawai yang berkenaan.
4. Selain perkhidmatan MQA yang dinyatakan di atas, segala urusan akan dilaksanakan melalui kaedah pos dan e-mel.
5. Takwim permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh Bagi Tahun 2021 adalah kekal sepertimana yang telah ditetapkan dalam portal MQA.
6. Urusan perbincangan dan perundingan berkaitan perkhidmatan MQA akan dilaksanakan **secara dalam talian** berdasarkan penetapan janji temu melalui saluran berikut: <https://www.picktime.com/AgensiKelayakanMalaysiaMQA>. Tarikh dan masa janji temu akan disahkan menerusi e-mel kepada para pelanggan.
7. Pertanyaan lanjut atau khidmat nasihat khusus juga boleh disalurkan ke sistem atau e-mel berikut:

- Pertanyaan Umum : <https://www2.mqa.gov.my/sppa/>
- Pendaftaran Program : [unitpendaftaran@mqa.gov.my](mailto:unitpendaftaran@mqa.gov.my)
- *Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL) : [apeladmin@mqa.gov.my](mailto:apeladmin@mqa.gov.my)
- Nilai Taraf/Pengesahan Pengiktirafan : [esisraf@mqa.gov.my](mailto:esisraf@mqa.gov.my)
- Sijil Akreditasi/*Malaysian Qualifications Register* (MQR) : [unitsijil@mqa.gov.my](mailto:unitsijil@mqa.gov.my) / [mqr@mqa.gov.my](mailto:mqr@mqa.gov.my)
- Latihan Jaminan Kualiti : [upjk.mqatc@mqa.gov.my](mailto:upjk.mqatc@mqa.gov.my)

8. Sebarang perubahan berkenaan pelaksanaan perkhidmatan MQA adalah tertakluk kepada situasi semasa dan pengumuman pihak kerajaan. Pengumuman akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.